

Tarikh Dibaca: 28 JULAI 2023M / 10 MUHARRAM 1445H



جَبَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“PERJUANGAN YANG TIDAK AKAN
MATI, PAHLAWAN DATANG SILIH
BERGANTI”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“PERJUANGAN YANG TIDAK AKAN MATI, PAHLAWAN DATANG SILIH BERGANTI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَلَنْ يُضِلَّ أَعْمَلَهُمْ
سَيَهْدِيهِمْ وَيُصْلِحُ بَالَهُمْ ۝ وَيُدْخِلُهُمُ الْجَنَّةَ عَرَفَهَا لَهُمْ ۝¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ۝²

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

¹ Muhammad : 4-6.

² Ali-Imran : 102.



Bersempena Sambutan Hari Pahlawan Negara pada 31 Julai, maka tajuk khutbah hari ini untuk kita hayati ialah **“PERJUANGAN YANG TIDAK AKAN MATI, PAHLAWAN DATANG SILIH BERGANTI”**.

Hadirin sekalian,

Allah SWT telah mengarahkan orang-orang yang beriman supaya sentiasa bersedia membela agama Islam, mempertahankan negara dan berjuang dengan ikhlas dan berani. Allah SWT telah berfirman dalam surah At-Taubah ayat 14:

قَاتِلُوهُمْ يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنْصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾

“Perangilah mereka, nescaya Allah akan menyeksa mereka dengan (perantaraan) tangan kamu dan Allah akan menghinakan mereka serta menolong kamu menewaskan mereka dan Dia akan memuaskan hati orang-orang yang beriman.”

Allah SWT menegaskan bahawa orang-orang yang mengaku beriman akan diuji sehingga jelas nyata orang-orang yang benar-benar berjuang dan berjihad mempertahankan agama, bangsa dan negara. Allah tidak mensia-siakan mereka yang berjuang kerana Allah SWT malah Allah mengurniakan pahala berlipat kali ganda sebagaimana firman Allah dalam surah An-Nisa' ayat 96:

دَرَجَاتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾

“Iaitu beberapa darjat kelebihan daripada-Nya dan keampunan serta rahmat belas kasihan dan (ingatlah) adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,



Jati diri pahlawan negara seperti pejuang kemerdekaan, tentera, polis dan anggota keselamatan lain adalah sangat kuat dan sangat berkesan dalam perjuangan membebaskan dan mempertahankan tanah air daripada cengkaman musuh dari tahun 1511 sehinggalah merdeka. Kepercayaan dan keyakinan pahlawan negara terhadap pegangan Islam dapat dilihat jelas dan diketahui dalam sejarah mereka menjadi punca kekuatan jati diri pahlawan negara. Catatan sejarah menunjukkan bahawa pejuang-pejuang pembebasan Tanah Melayu belajar dan mengamalkan ilmu-ilmu Islam dengan bersungguh-sungguh seperti ilmu tauhid, fekah dan tasawuf yang merupakan asas agama Islam bagi menguatkan perjuangan mereka. Apabila merasakan kehidupan tercabar, negara terjajah, 3 ilmu inilah yang menjadi pengikat membentuk kesatuan ummah dan mencetus jihad serta menyuntik semangat keberanian dan semangat rela berkorban mereka demi agama, bangsa dan tanah air.

Pahlawan-Pahlawan negara gagah menentang penjajah menggambarkan bahawa mereka mempunyai kefahaman agama yang tinggi bahawa mempertahankan agama dan negara adalah kewajipan fardhu ain. Malah, kebanyakan pahlawan negara adalah golongan ulama atau anak-anak murid kepada para ulama.

Sebagai contoh, perkembangan yang menimpa umat Islam di negeri-negeri Melayu pada zaman penjajahan telah mendapat perhatian serius dalam kalangan ulama-ulama berketurunan Melayu yang sedang menuntut dan mengajar di Mekah antaranya Sheikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Dalam kitab-kitab tauhid, fekah dan tasawuf beliau, Sheikh Daud selalu menekankan kewajipan umat Islam untuk berjihad sekiranya negeri mereka dijajah oleh orang-orang kafir. Hukum jihad ini kekal sehingga umat Islam mendapat kembali negeri yang dikuasai oleh orang-orang kafir. Berpegang kepada pesanan-pesanan ini, pahlawan-pahlawan negara bertekad untuk menentang penjajah dari kalangan orang kafir. Selain itu, perwira-perwira



negara ini berjuang dan berjihad membebaskan penderitaan rakyat yang dibebani dengan pelbagai jenis penindasan seperti cukai-cukai yang melampau yang dikenakan kepada rakyat oleh penjajah pada ketika itu.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Berakhirnya era perjuangan pahlawan-pahlawan negara ketika itu tidaklah bererti berakhirnya perjuangan pada hari ini. Mereka yang mencetuskan penentangan pada pihak penjajah tanpa rasa gentar demi mempertahankan agama dan tanah air tercinta walaupun kemenangan tidak berpihak kepadanya. Maka hari ini hendaklah kita meneruskan semangat jihad mereka tanpa rasa takut dan pengecut. Bagi mereka, perjuangan itu bukan dinilai sama ada kalah mahupun menang tetapi apa yang penting adalah semangat juang yang ikhlas mempertahankan maruah agama Islam, bangsa dan negara demi menegakkan keadilan dan kebenaran. Janganlah pula kita gadaikan kesucian agama, rosakkan diri dan musnahkan keluarga dengan penyakit tamak dan dengki mencari kepentingan dunia, harta, pangkat dan kedudukan. Bagi mereka, kebenaran dan keikhlasan berjuang bukan untuk memperoleh sanjungan dan pujian, sudah pasti akan menghasilkan kejayaan di dunia dengan keamanan, kejayaan di akhirat dengan syurga. Mereka yakin perjuangan ini akan diteruskan oleh pejuang warisan yang seterusnya dengan syarat jika generasi pada hari ini mempunyai jati diri yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia seperti jati diri mereka.

Hari ini, pengorbanan pahlawan-pahlawan dan perwira-perwira negara seakan sudah luput daripada ingatan kita apabila amat payah untuk mendengar kisah-kisah mereka. Orang sekarang ini sudah tidak lagi memberi perhatian tentang cerita-cerita perjuangan mereka. Ramai yang lebih suka cerita cinta dan cerita politik. Itu belum kira ada yang memandang rendah jasa anggota pasukan keselamatan kita. Bukan sedikit juga pada hari ini yang lebih simpati terhadap orang politik berbanding terhadap pejuang-



pejuang kita. Kerana itu kita perlu mengetahui sejarah dan cerita perjuangan mereka bagi memupuk semangat cintakan agama, bangsa dan tanahair untuk mengekalkan ketuanan Melayu dan kesejahteraan negara. Sesungguhnya, sejarah mereka sendiri akan mendorong kita kepada kefahaman dan perpaduan. Sejarah mereka memainkan peranan penting sebagai pencari kebenaran, pembentuk sikap yang berani dan sayangkan keamanan dan bencikan perpecahan.

Jika kita membaca dan mendengar kisah dan cerita para perwira negara, ternyata dan terserlah kesucian jiwa dan keikhlasan hati mereka. Peribadi seperti ini menyebabkan musuh negara berasa gerun jika bertembung dengan perwira negara. Mereka sanggup mengorbankan masa muda mereka untuk berjuang demi agama dan negara. Meninggalkan keluarga, insan tersayang dan kampung halaman demi sebuah perjuangan jauh di hutan belantara yang berdurikan musuh yang tidak kenal erti kemanusiaan.

Hadirin yang dimuliakan,

Sebenarnya Allah menghendaki umat Islam memerangi musuh Allah, musuh Islam dan musuh negara untuk menguji umat Islam sehingga diketahui siapakah yang benar-benar beriman dan berjihad sungguh-sungguh. Kalau Allah berkehendak membinasakan musuh-musuh-Nya nescaya dapat dibinasakan-Nya dengan segera dengan kudrat-Nya tanpa mengerahkan umat Islam memerangi mereka. Allah berfirman dalam surah Muhammad ayat 4:

وَلَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَأُنْتَصَرَ مِنْهُمْ وَلَكِنْ لِيَبْلُوَ بَعْضَكُمْ بِبَعْضٍ

“Apabila Allah menghendaki nescaya Allah membinasakan mereka tetapi Allah hendak menguji sebahagian kamu dengan sebahagian yang lain.”



Semoga perjuangan pahlawan negara diterima Allah dan dihapuskan dosa dianugerahkan pahala yang berlipat kali ganda. Semoga sejarah perjuangan mereka dapat dihayati serta diingati oleh generasi hari ini dan akan datang. Semoga pemergian mereka meninggalkan jasa dan nama yang baik serta dapat dicontohi oleh kita semua. Semoga semangat dan keberanian perwira negara kita menjadi inspirasi kepada anak-anak muda sekarang bagi mencintai dan mempertahankan tanah air, agama Islam dan bangsa yang tercinta. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah agar dicucuri rahmat dan keampunan kepada roh pahlawan-pahlawan kita yang gugur syahid dan ikhlas dalam perjuangan mereka.

Ganjaran mati syahid fisabilillah ini adalah lebih besar dan tidak dapat manusia tentukan dan hitungkan. Allah SWT berfirman dalam surah Muhammad ayat 4 hingga 6 yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang telah berjuang serta gugur syahid pada jalan Allah (mempertahankan agamanya), maka Allah tidak sekali kali akan mensia-siakan amal-amal mereka. Allah akan memimpin mereka yang berjuang (ke jalan mendapat sebaik-baik balasan) dan menjadikan keadaan mereka baik dan berguna (di dunia dan di akhirat). Serta memasukkan mereka ke dalam Syurga yang telah dijanjikan dan diterangkan sifat-sifatnya kepada mereka."

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa perjuangan mempertahankan kesucian Islam dan kedaulatan negara adalah suatu kewajipan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada setiap Muslim.



2. Umat Islam hendaklah mencontohi dan menghargai perjuangan dan pengorbanan pahlawan-pahlawan negara yang ikhlas menyelamatkan dan mempertahankan negara.

3. Umat Islam yang berjuang dan berjihad pada jalan Allah hendaklah yakin dengan janji-janji Allah yang memberikan kemenangan di dunia, dikurniakan mati syahid dan ganjaran syurga di akhirat kelak.

4. Umat Islam janganlah melupakan jasa-jasa pahlawan negara bahkan sentiasalah mendoakan kebaikan untuk mereka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ أَضَلَّ أَعْمَلَهُمْ ﴿١﴾

"Orang-orang yang kafir serta menghalangi (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah, Allah sia-siakan segala amal mereka".

(Muhammad : 1).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ
الْكَفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan



menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

﴿٧٤﴾

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.